



LATIHAN SIMULASI MYPEC

JABATAN PELESENAN DEWAN BANDARAN MyPEC

Tingkat 22 Menara Safuan, No. 80 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
No. Tel: 03-20723802 No. Faks: 03-20723804

GARIS PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT PELESENAN PREMIS PERNIAGAAN PUSAT HIBURAN MESIN HADIAH

1. OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan adalah bertujuan untuk dijadikan asas pertimbangan oleh Jawatankuasa Pelesenan Premis Perniagaan dalam meneliti dan mempertimbangkan kelulusan sesuatu permohonan lesen premis perniagaan bagi aktiviti Pusat Hiburan Mesin Hadiah (PHMH).

Antara objektif lain garis panduan ini adalah untuk mengawal kewujudan aktiviti perniagaan tersebut mengikut lokasi dan status kategori bangunan yang dibenarkan serta pematuhan syarat-syarat pelesenan yang dibenarkan serta pematuhan syarat-syarat pelesenan yang dikenakan.

2. UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN

Aktiviti perniagaan Pusat Hiburan Mesin Hadiah adalah tertakluk di bawah Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 dan Kaedah-Kaedah Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1993. Sesuatu lesen yang diluluskan akan dikeluarkan bersama-sama dengan syarat-syarat tambahan pelesenan yang ditetapkan oleh Jabatan Pelesenan, DBKL.

3. LOKASI PREMIS PERNIAGAAN

Sesuatu permohonan lesen bagi aktiviti perniagaan Pusat Hiburan Mesin Hadiah hanya akan diterima dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pelesenan mengikut lokasi dan status kategori premis / bangunan yang dibenarkan dan ditetapkan oleh Pentadbiran Dewan Bandaran MyPEC.

Lokasi dan status kategori premis yang dibenarkan:

Bangunan rumah kedai di tingkat bawah sahaja dan terletak di dalam kawasan pusat bandar.

Bangunan kedai pejabat di tingkat bawah yang terletak di dalam kawasan pusat bandar dan kawasan perdagangan bandar-bandar baru yang lokasi premis tidak menghadap atau menghala ke hadapan dan belakang premis kediaman.

Bangunan kompleks perniagaan, hotel (tiga bintang ke atas) dan resort dan Rumah Kelab

Keluasan lantai premis hendaklah tidak kurang daripada 900 kaki persegi atau 83 persegi.

Ruang premis PHMH tidak boleh bercampur dengan aktiviti perniagaan suker, meja pool, biliad, pusat siber, alat-alat telekomunikasi dan lain-lain.

Ruang premis PHMH hendaklah selesa, berinding cermin dan berpintu cerah yang boleh dilihat terus dari luar dan dalam.

Lokasi dan status premis yang tidak dibenarkan:

Bangunan rumah kedai tingkat satu ke atas.
Bangunan kedai pejabat tingkat satu ke atas.
Rumah kediaman teres atau banglo.
Bangunan industri.

4. SYARAT-SYARAT KELULUSAN

Premis yang digunakan hendaklah mematuhi dan memenuhi syarat dan kehendak-kehendak perancangan Jabatan Perancang Dan Kawalan Bangunan.

Premis yang digunakan hendaklah mematuhi dan memenuhi syarat dan kehendak-kehendak Bahagian Kawalan Bangunan, DBKL.

Premis yang digunakan hendaklah mematuhi dan memenuhi syarat dan kehendak-kehendak asas Jabatan Kesihatan, DBKL.

Premis yang digunakan hendaklah mematuhi dan memenuhi syarat dan kehendak-kehendak keselamatan kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Premis yang digunakan hendaklah mematuhi dan memenuhi syarat-syarat dan garis panduan Jabatan Pelesenan.

Mematuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan dari masa ke semasa.

5. JENIS-JENIS MESIN HADIAH YANG DIBENARKAN

1. Alligator Shoot	22. Kato's Fancy Lifter U
2. Apache Survival	23. Magic Circus
3. BonBon Scoop	24. Mouse Hunter Hit Me To Star
4. Break the Bank	25. Musical Chairs
5. BuBu Ton At Tack	26. Narnco Sweet Land 4
6. BuBu Ton New At Tack	27. New Type Toy Box
7. Bug Busters	28. New UFO Catcher
8. Dream Catcher	29. Planet Carousel
9. Dream World	30. Pretty Present 2
10. Explore in Jungle	31. Puff Puff Puff
11. Eye Catcher-L	32. Queen Bee Queen Bee
12. Eye Catcher-S	33. Rotary Star
13. Happy Clown Circus	34. Round The World Travel
14. Happy Door	35. Slam Dunk
15. Happy Family	36. Sweet Wheel
16. Happy Gyro	37. The King Of Pir-Ates
17. Happy Toy	38. Touch Screen
18. Jankenman Ganso	39. UFO Pusher
19. Jaws Hunter	40. Universal Space Speed Hockey
20. Jig Pup	41. Western Train
21. Jumping Ball	

6. SYARAT-SYARAT PELESENAN

Lesen Premis yang sah hendaklah sentiasa dipamerkan di suatu tempat yang mudah dilihat pada setiap masa.

Tiada aktiviti-aktiviti perniagaan lain boleh dibenarkan di dalam premis PHMH berlesen.

Aktiviti perebagan niagaan PHMH hanya dibenarkan beroperasi dari 10.00 pagi hingga jam 10.00 malam sahaja.

Mekanisma mesin-mesin hadiah tidak boleh diubahsuai untuk aktiviti perjudian atau berunsur perjudian.

Tiada gambar atau bahan berunsur lucah dibenarkan ditampal atau dipamerkan di mana-mana bahagian premis.

Tiada sebarang bentuk perjudian atau lain-lain bentuk permainan yang berunsur perjudian boleh dibenarkan melalui permainan mesin hadiah ini.

Tiada sebarang minuman keras, rokok atau seumpamanya boleh dijual, dihidangkan, diminum atau dihisap di dalam premis PHMH.

Pengusaha atau pelesen PHMH hendaklah memastikan tiada dadah, pil-pil ecstasy atau lain-lain pil merbahaya dan senjata merbahaya boleh dibenarkan dibawa masuk ke dalam premis.

Pengusaha atau pelesen PHMH hendaklah memastikan bunyi bising mesin hadiah adalah pada tahap minima dan tidak menimbulkan kacauganggu.

Pencahayaan dalam premis hendaklah dalam keadaan terang dan mempunyai ruang udara yang mencukupi.

Premis dan kawasan persekitaran hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih.

Pelanggan yang berpakaian sekolah tidak dibenarkan masuk ke dalam premis PHMH.

Pelanggan di bawah umur 18 tahun boleh dibenarkan masuk dan bermain mesin hadiah dengan diiringi / diawasi oleh ibu bapa atau penjaga.

Pemegang lesen hendaklah mempamerkan suatu notis dalam bahasa Malaysia dan Inggeris di pintu masuk PHMH yang mengandungi maklumat seperti yang dinyatakan dalam perenggan 6.12 dan 6.13.

Pengusaha PHMH hendaklah mematuhi syarat-syarat di atas dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dari masa ke semasa. Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut menyebabkan tindakan undang-undang boleh diambil dan lesen akan ditarik balik atau ditamatkan.

FOR TRAINING PURPOSES ONLY



LATIHAN SIMULASI MYPEC

JABATAN PELESENAN DEWAN BANDARAN MyPEC

Syarat-syarat Pelesenan Premis Perniagaan Pusat Hiburan Mesin Hadiah

1. Lesen Premis yang sah hendaklah sentiasa dipamerkan di suatu tempat yang mudah dilihat pada setiap masa.
 2. Tiada aktiviti-aktiviti perniagaan lain boleh dibenarkan di dalam premis PHMH berlesen.
 3. Aktiviti perniagaan PHMH hanya dibenarkan beroperasi dari 10.00 pagi hingga jam 10.00 malam sahaja.
 4. Mekanisma mesin-mesin hadiah tidak boleh diubahsuai untuk aktiviti perjudian atau berunsur perjudian.
 5. Tiada gambar atau bahan berunsur lucah dibenarkan ditampal atau dipamerkan di mana-mana bahagian premis.
 6. Tiada sebarang bentuk perjudian atau lain-lain bentuk permainan yang berunsur perjudian boleh dibenarkan melalui permainan mesin hadiah ini.
 7. Tiada sebarang minuman keras, rokok atau seumpamanya boleh dijual, dihidangkan, diminum atau dihisap di dalam premis PHMH.
 8. Pengusaha atau pelesen PHMH hendaklah memastikan tiada dadah, pil-pil ecstasy atau lain-lain pil berbahaya dan senjata berbahaya boleh dibenarkan dibawa masuk ke dalam premis.
 9. Pengusaha atau pelesen PHMH hendaklah memastikan bunyi bising mesin hadiah adalah pada tahap minima dan tidak menimbulkan kacauganggu.
 10. Pencahayaan dalam premis hendaklah dalam keadaan terang dan mempunyai ruang udara yang mencukupi.
 11. Premis dan kawasan persekitaran hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih.
 12. Pelanggan yang berpakaian sekolah tidak dibenarkan masuk dan bermain mesin hadiah dengan diiringi / diawasi oleh ibu bapa atau penjaga.
-

13. Pelanggan di bawah umur 18 tahun boleh dibenarkan masuk dan bermain mesin hadiah dengan diiringi / diawasi oleh ibu bapa atau penjaga.
14. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan suatu notis dalam bahasa Malaysia dan Inggeris di pintu masuk PHMH yang mengandungi maklumat seperti yang dinyatakan dalam perenggan 12 dan 13.
15. Pengusaha PHMH hendaklah mematuhi syarat-syarat di atas dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dari masa ke semasa. Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut menyebabkan tindakan undang-undang boleh diambil dan lesen akan ditarik balik atau ditamatkan.

Jawatankuasa Pelesenan
Jabatan Pelesenan
Dewan Bandaran MyPEC
Bertarikh: 1 Mei 2009

FOR TRAINING PURPOSES ONLY



LATIHAN SIMULASI MYPEC

JABATAN PELESENAN DEWAN BANDARAN MyPEC

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN PUSAT HIBURAN PERMAINAN / SNUKER / BILLIARD / MEJA POOL/ BOLING / KIDDY RIDES / JUKE BOX

Pelesen / Pengusaha dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut:

1. FEE LESEN

Fee Lesen untuk membuka tempat hiburan hendaklah dijelaskan sebelum menjalankan perniagaan hiburan yang berkenaan

Pusat Hiburan (Dalam Bangunan)

Luas lantai tidak melebihi 30 m.p.	RM 300.00 setahun
Luas lantai melebihi 30 m.p. tetapi tidak melebihi 60 m.p.	RM 800.00 setahun

Luas lantai melebihi 60 m.p. tetapi tidak melebihi 90 m.p.	RM 800.00 setahun
--	-------------------

1.1.4 Luas lantai melebihi 90 m.p.	RM 1,100.00 setahun
------------------------------------	---------------------

Dewan Biliard / Snuker / Meja Pool

Tidak melebihi 5 meja	RM 500.00 setahun
-----------------------	-------------------

Melebihi 5 meja tetapi tidak melebihi 10 meja	RM 1,000.00 setahun
---	---------------------

1.2.3 Melebihi 10 meja tetapi tidak melebihi 20 meja	RM 1,500.00 setahun
--	---------------------

1.2.4 Melebihi 20 meja tetapi tidak melebihi 30 meja	RM 2,000.00 setahun
--	---------------------

1.2.5 Melebihi 30 meja tetapi tidak melebihi 40 meja	RM 2,500.00 setahun
--	---------------------

1.2.6 Melebihi 40 meja tetapi tidak melebihi 50 meja	RM 3,000.00 setahun
--	---------------------

Melebihi 50 meja	RM 50.00 bagi setiap meja tambahan setahun
------------------	--

Lorong Boling

RM 1,100.00 setahun

Mesin Hiburan (Kiddy Rides/ Juke Box) Di Tempat Selain Daripada Tempat Hiburan

RM 20.00 setiap mesin setahun

2. LESEN HIBURAN

Jenis Hiburan

Kadar Lesen

Dewan Biliard/ Snuker/ Meja Pool	RM 10.00 setiap meja sebulan
Lorong Boling	RM 5.00 setiap lorong sebulan
Kiddy Rides	RM 2.00 setiap mesin sebulan
Juke Box	RM 10.00 setiap mesin sebulan

3. CUKAI HIBURAN

Jenis Hiburan

Kadar Lesen

Biliard / Snuker / Meja Pool	RM 10.50 satu meja sebulan
Boling	RM 10.50 satu lorong sebulan
Kiddy Rides	RM 10.50 satu mesin sebulan
Juke Box	RM 10.50 satu mesin sebulan

Bayaran cukai hiburan hendaklah dijelaskan sebelum perniagaan bermula.

4. WANG CAGARAN

Wang Cagaran hendaklah dijelaskan seperti berikut:

Jenis Hiburan

Jumlah Cagaran

Biliard / Snuker / Meja Pool	RM 5,000.00
Boling	RM 5,000.00
Kiddy Rides	RM 5,000.00
Juke Box	RM 500.00

5. MEMPAMERKAN LESEN

Lesen hendaklah dipamerkan di premis berkenaan pada setiap masa.

6. KEBERSIHAN

Premis dan kawasan persekitaran hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih.

7. KAWALAN BUNYI BISING DAN KACAU GANGGU

Pelesen/Pengusaha hendaklah memastikan bunyi bising daripada mesin hiburan adalah pada peringkat minimum dan tidak menimbulkan kacau ganggu. Pintu premis hendaklah sentiasa bertutup untuk mengelakkan bunyi bising ke premis berdekatan.

8. PENCAHAYAAN

Premis hiburan hendaklah dipasang dengan lampu yang terang.

9. **KESELAMATAN**

Pelesen/ pengusaha hendaklah memastikan ciri-ciri keselamatan dipatuhi dan menyediakan peralatan bomba yang mencukupi. Pendawaian pada alat-alat mesin kiddy rides dan lain-lain mesin hiburan hendaklah dilakukan dan disahkan oleh pendawai elektrik yang bertauliah daripada Jabatan Bekalan Elektrik dan salinan dihantar.

10. **HALANGAN**

Ruang tangga, lorong pintu masuk atau keluar hendaklah sentiasa bebas daripada sebarang halangan.

11. **NOTIS / PAPAN KENYATAAN**

Satu notis / papan kenyataan perlu disediakan bagi menerangkan perkara-perkara seperti berikut:

Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dibenarkan masuk dengan pengawasan ibu bapa / penjaga.

Kanak-kanak berpakaian seragam sekolah tidak dibenarkan masuk.

12. **WAKTU PERNIAGAAN**

Bagi semua jenis hiburan seperti di atas, perniagaan yang dibenarkan ialah dari 10 pagi hingga 12 malam.

13. **PAPAN TANDA / IKLAN**

Setiap pemasangan iklan / papan tanda hendaklah mendapatkan lesen terlebih dahulu.

Gambar/poster-poster lucu dan menghairahkan tidak dibenarkan ditampal di dinding-dinding premis.

Papan iklan yang tidak berkaitan tidak dibenarkan dipasang.

14. **MINUMAN KERAS**

Pelesen / Pengusaha tidak dibenarkan menjual minuman keras atau sebarang minuman yang memabukkan dan meminum minuman keras di dalam sesuatu premis hiburan yang disebutkan di atas.

15. **LOKASI**

Kelulusan sesuatu permohonan lesen permainan hiburan adalah bergantung juga kepada lokasi dan kedudukan premis, contohnya dalam pasar raya atau kompleks beli-belah. Selain daripada itu, ianya hendaklah jauh daripada sekolah, tempat ibadat dan kawasan kediaman.

PERINGATAN

Sekiranya pelesen / pengusaha gagal mematuhi syarat-syarat seperti di atas, tindakan penguatkuasaan boleh diambil termasuk merampas wang cagaran, di bawah Akta Hiburan (WPKL) 1992. Kaedah-kaedah Hiburan (WPKL), Akta Duti Hiburan 1953 dan Undang-undang Kecil Iklan (WP) 1982 dan pindaan-pindaannya.

Jabatan Pelesenan
Dewan Bandaran MyPEC

Tingkat 22 Menara Safuan,
No. 80 Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.
No. Tel: 03-20723802
No. Faks: 03-20723804

FOR TRAINING PURPOSES ONLY
